



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) / PUKONSA / UPKJ dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Sebut Harga	Tajuk Projek	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Tempat, Tarikh bagi Taklimat dan Lawatan Tapak	Tempat dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Tutup
Bahagian Teknikal Istana Budaya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Jalan Tun Razak 50694 Kuala Lumpur	SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENGANTIAN PANEL KAWALAN LAMPU PENTAS SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BANGUNAN PANGGUNG, ISTANA BUDAYA NO. SEBUT HARGA: SH/IB/400-10/08 SH 14-2023	Taraf / Jenis Syarikat: Tempatan Berdaftar dengan CIDB / PUKONSA / UPKJ dan SSM Gred Pendaftaran: G1 Kategori : E Pengkhususan: E06	Tidak Berkaitan	Unit Perolehan Aras 2, Bangunan Pentadbiran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Jalan Tun Razak 50694 Kuala Lumpur 8 September 2023 (Jumaat) Hingga 19 September 2023 (Selasa) Masa: 9.00 pagi - 1.00 tengahari 2.00 petang – 4.00 petang	Lobi Bangunan Pentadbiran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Jalan Tun Razak 50694 Kuala Lumpur Tarikh Tutup Sebut Harga: 19 September 2023 (Selasa) Waktu: 12.00Tengah hari

1. Bagi pembelian dokumen sebut harga, Penyebutharga yang hadir adalah **penama yang tercatat di dalam sijil CIDB, SSM, MOF PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ** dan sekiranya wakil hendaklah membawa surat **wakil syarikat**. Penyebut harga juga **dikehendaki** membawa **COP SYARIKAT** semasa pendaftaran.
2. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL** dan **SALINAN** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ.
3. Dokumen contoh Sebut Harga boleh disemak dan dokumen tersebut boleh diperolehi di **Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** semasa waktu pejabat.
4. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694, Kuala Lumpur pada tarikh dan masa yang ditetapkan seperti di atas**. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Istana Budaya tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga. Istana Budaya juga berhak untuk meminda atau membatalkan mana-mana terma serta syarat bagi sebut harga yang ditawarkan tanpa sebarang notis.
6. Keputusan sebut harga adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
7. Semua kos dan perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga hendaklah ditanggung oleh penyebut harga.